

SET 2

Bahagian A (Soalan 1-20)

Soalan 1-4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. di telinga Auni kata-kata temannya tadi.
 - A. Terkekek-kekek
 - B. Terngiang-ngiang
 - C. Terbayang-bayang
 - D. Terkenang-kenang
2. Adam pintu bilik untuk menunjukkan perasaannya yang tidak berpuas hati.
 - A. melanggar
 - B. merempuh
 - C. menghempas
 - D. menghempap
3. Kanak-kanak harus disemai perasaan cinta alam sekitar sejak kecil.
 - A. oleh
 - B. akan
 - C. pada
 - D. dengan
4. Pengetahuan Asmah tentang perkara itu amat menyebabkan dia tidak diminta untuk menyatakan pendapatnya.
 - A. tohor
 - B. sempit
 - C. suntuk
 - D. dangkal

Soalan 5-6

Ayat-ayat yang berikut ***mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan. Kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.***

5. Pemergian Sultan Johor dalam program Kembara Mahkota Johor ke kawasan

A

pedalaman itu amat dihargai oleh penduduk di situ. Tiada kesalahan.

B

C

D

6. Kebanyakan kanak-kanak di kampung telah didedahkan dengan pelajaran asas

A

B

sebelum memasuki alam persekolahan. Tiada kesalahan.

C

D

Soalan 7-8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan ***perkataan berhuruf condong*** dengan betul.

7. I Bas persiaran itu mula bergerak *licin* pada masanya

II Dia kelihatan segak kerana rambutnya disisir *licin*.

III Firdaus tertipu oleh muslihat *licin* yang dilakukan oleh lelaki itu.

IV Puan Aida gembira kerana perniagaannya berjalan dengan *licin*.

A. I dan II sahaja

C. I, II dan III sahaja

B. III dan IV sahaja

D. II, III dan IV sahaja

8. I Perjalanan kami *terkandas* kerana kenderaan yang kami naiki rosak.

II Lim Jia Wei tidak dapat menyambung pelajarannya ke universiti kerana *terkandas* dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

III Kebahagiaan rumah tangga mereka *terkandas* kerana perasaan cemburu.

IV Selera makan saya *terkandas* kerana sakit perut.

- C. I dan II sahaja
- D. III dan IV sahaja

- C. I, II dan III sahaja
- D. II, III dan IV sahaja

Soalan 9 dan 10

*Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan*

9. Kempen itu diadakan demi untuk mempereratkan hubungan antara rakyat berbilang kaum di Malaysia.
- A. demi mempererat
 - B. demi mempereratkan
 - C. demi untuk mempererat
 - D. demi untuk mempereratkan
10. Puan Nabihah membeli suaminya seutas jam tangan buatan luar negara.
- A. membeli untuk suaminya
 - B. membelikan untuk suaminya
 - C. membelikan suaminya
 - D. membeli suaminya

Soalan 11 dan 12

*Pilih ayat-ayat yang **betul**.*

- 11.
- I Pemuda dari luar negara itu terpicat akan keayuan gadis tempatan.
 - II Dari setahun ke setahun dia memendam hasrat untuk menyambung pelajaran.
 - III Telefon bimbit kepunyaan ibu diletakkan atas meja
 - IV Surat sokongan itu hendaklah ditulis di dalam bahasa Melayu
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

12. I Lukisan Razlan mendapat markah tertinggi sekali dalam pertandingan itu.
II Sementara menunggu musim menuai padi, mereka menanam pokok pisang.
III Anak saudara Insyirah sungguh bijak sekali.
IV Rumah yang terletak di tepi sawah itu bersih amat.
- A I dan II sahaja C. I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D. II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih ayat yang mempunyai **maksud yang sama** atau **maksud yang paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

13. **Kegiatan harian penduduk di pinggir bandar itu terganggu kerana bekalan elektrik terputus sejak semalam.**
- A. Bekalan elektrik yang dibekalkan sejak semalam ke kawasan pinggir bandar itu terputus sehingga terencat aktiviti harian penduduk.
B. Akibat keputusan bekalan elektrik, aktiviti harian penduduk di pinggir bandar itu terencat.
C. Oleh sebab bekalan elektrik terganggu, penduduk di pinggir bandar itu tidak dapat menjalankan aktiviti mereka sejak semalam.
D. Sejak semalam kegiatan penduduk di pinggir bandar itu terganggu kerana bekalan elektrik terputus.

Soalan 14

Pilih **peribahasa** yang **paling sesuai**.

14. Peribahasa yang berikut membawa maksud mengharapkan sesuatu yang belum tentu, barang sedia ada dilepaskan, **kecuali**
- A. Harapkan guruh dilangit, air di tempayan dicurahkan
B. Yang dikendong berciciran, yang dikejar tiada dapat.
C. Tak akan lari gunung dikejar, hilang kabut tampaklah dia
D. Harapkan burung terbang tinggi, punai di tangan dilepaskan.

Soalan 15 hingga Soalan 17 berdasarkan petikan drama di bawah

ENCIK MUSA : Begini, Pak Mail. Saya datang ini untuk menyampaikan penghargaan negara kepada keluarga Pak Mail kerana kematian Sarjan Akhbar semasa bertempur di sempadan dahulu. Kami bersimpati benar dengan keluarga Pak Mail, terutamanya kepada Puan Fauziah dan dua orang anaknya.

PAK MAIL : Terima kasihlah, Encik Musa. Kami memanglah sedang menghadapi masalah sekarang ini, terutamanya dalam hal persekolahan Hayati. Hari ini dia pulang dari asrama.

ENCIK MUSA : Mengapa begitu, Pak Mail?

PAK MAIL : Masalah belanja, Encik Musa. Nampaknya saya terpaksa mencari satu punca tetap untuk membantu persekolahannya. Saya sudahpun memberitahu Tuk Penghulu akan hal ini.

DATUK PENGHULU : Betul, Encik Musa. Saya akan berikhtiar untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Pak Mail sekarang. Pak Mail tentu tidak dapat mengharapkan pencen bulanan yang sedikit itu untuk menyara keluarga.

PAK MAIL : Betul, Tuk.

ENCIK MUSA : Begini Pak Mail. Kedatangan saya ini juga untuk menyampaikan sekeping cek yang bernilai sepuluh ribu ringgit untuk Puan Fauziah. Di manakah Puan Fauziah sekarang, Pak Mail?

PAK MAIL : Dia di dalam agaknya. (*Memanggil*) Fauziah!

15. Apakah tujuan Encik Musa menemui Pak Mail?

- A. Menyelesaikan masalah persekolahan Hayati
- B. Menyampaikan pencen bulanan Pak Mail
- C. Menyampaikan sekeping cek untuk Puan Fauziah
- D. Melahirkan rasa simpati terhadap keluarga Sarjan Akhbar

Masalah belanja, Encik Musa. Nampaknya saya terpaksa mencari satu punca tetap untuk membantu persekolahannya.

16. Apakah peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan keadaan keluarga Sarjan Akhbar setelah kematiannya?

- A. Hilang di mata, di hati jangan
- B. Sudah jatuh ditimpa tangga
- C. Seperti orang buta kehilangan tongkat
- D. Bagai kumbang putus tali

17. Yang berikut merupakan latar masyarakat yang terdapat dalam petikan drama, **kecuali**

- A. masyarakat yang prihatin.
- B. masyarakat yang tabah.
- C. masyarakat yang berani.
- D. masyarakat yang berhati-hati.

Soalan 18 hingga soalan 20 berdasarkan petikan prosa tradisional di bawah.

Adapun akan Si Miskin itu asalnya daripada raja keinderaan kena sumpah Betara Guru sebab ia turun ke dunia membawa isterinya tiada memberitahu Betara Guru. Itulah maka demikian dirasanya.

Setelah demikian maka suaminya pun pergilah masuk ke hutan mencari ubat dan taruk kayu mana yang dapat dimakan oleh orang. Maka dibawanya pada isterinya. Maka dimakannya dua laki isteri. Hatta dengan demikian itu juga isterinya pun hamillah. Tiga bulan lamanya ia makan ketupat dan buku tebu itu juga. Adapun akan asalnya ketupat dengan buku tebu itu anak kepada Betara Karma Jaya dua saudaranya, seorang lelaki seorang perempuan. Sekali peristiwa dia bermohon kepada ayahanda baginda hendak turun ke dunia. Maka titah baginda, “Baiklah, hai anakku, tetapi jangan anakku bercerai dua bersaudara.”

Maka sembah anak kedua, “Mana titah patik junjung Tuanku.”

Setelah baginda berkata itu, anakanda kedua itu pun dipuja oleh baginda. Dengan seketikanya itu juga maka anakanda yang laki-laki menjadi ketupat dan yang perempuan menjadi buku tebu. Maka dijatuhkan oleh baginda keduanya dari kayangan ke dalam dunia lalu masuk ke dalam sampah, itu sebabnya.

Dipetik daripada prosa tradisional “ Bahagia Sesudah Derita”,

antologi Bintang Hati, Tingkatan 3, KPM

18. Yang berikut merupakan latar tempat yang terdapat dalam petikan prosa tradisional, **kecuali**

- A. Hutan
- B. Kayangan
- C. Ladang tebu
- D. Tempat pembuangan sampah

19. Mengapakan anak Betara Karma Jaya bertukar menjadi ketupat dan tebu?
- A. Mereka dipuja oleh Betara Karma Jaya supaya tidak berpisah semasa di dunia.
 - B. Sebagai hukuman kerana mereka ke dunia tanpa memberitahu Betara Guru.
 - C. Mereka jatuh ke tempat pembuangan sampah.
 - D. Untuk dijadikan makanan Betara Guru.
20. Apakah tujuan Si Miskin masuk ke dalam hutan?
- A. Untuk mencari ubat dan taruk kayu
 - B. Untuk mencari ketupat dan tebu
 - C. Untuk turun ke dunia bersama-sama isterinya
 - D. Untuk mencari sepasang anak Betara Karma Jaya.